

Noor  
Mohamad  
Shahid  
Hameed



sekolah agama yang menjadi viral dalam media sosial dan banyak lagi kes buli sebelum ini.

Di samping itu, insiden kemalangan di sekolah juga turut merisaukan kita misalnya kejadian tiang gol jatuh menimpa pelajar akibat kegagalan kita melaksanakan penyelenggaraan dengan baik juga wajar diberi perhatian serius.

Justeru, penulis berpandangan adalah wajar untuk kita melihat aspek keselamatan pelajar sekolah ini secara menyeluruh membabitkan keselamatan dalam dan juga luar kawasan sekolah.

Kita tidak mahu terlalu fokus di suatu kawasan hingga lupa dan leka dengan risiko keselamatan dan bahaya di kawasan lain. Secara umumnya kita mahu kawasan dalam dan luar sekolah menjadi antara lokasi yang paling selesa dan selamat kepada anak kita.

Untuk itu semua pihak yang terbabit perlu menilai semula peranan dan tanggungjawab masing-masing supaya isu keselamatan di sekolah ini dapat ditangani secara menyeluruh.

Dalam kawasan sekolah, pihak pentadbir sekolah perlu terus meningkatkan peranan agar dapat menyediakan persekitaran yang selesa, selamat dan kondusif kepada pelajar.

Misalnya perlu memastikan semua peralatan, prasarana dan fasiliti yang ada di sekolah sentiasa dipantau dan diselenggara secara berkala mengikut jadual dengan betul dan baik. Dalam konteks ini kekurangan bajet atau masalah kewangan tidak wajar dijadikan alasan yang boleh kompromi soal keselamatan pelajar.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu kita sudah tidak boleh bergantung harap sepenuhnya kepada peruntukan kewangan daripada pihak kerajaan semata-mata, apatah lagi dengan bilangan sekolah yang terlalu banyak di seluruh negara.

Kita berharap pihak sekolah akan lebih gigih berusaha secara proaktif dengan kerjasama dan bantuan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk mencari dana serta menyediakan kemudahan yang terbaik dan selamat kepada pelajar masing-masing.

Keselamatan anak di luar pagar sekolah pula terus mencetuskan tanda tanya



KES pelajar maut ditimpa tiang gol



VIDEO kes buli di sekolah.



KESELAMATAN murid di luar pagar sekolah perlu diambil perhatian elak kemalangan maut.

## Bersama menjaga keselamatan di sekolah

kerana masing-masing tidak berani mengaku itu tanggungjawab mereka.

Pihak sekolah sudah semestinya berat hati untuk memikul tanggungjawab itu dan sudah semestinya kurang wajar juga untuk kita letak beban itu di bahu sekolah semata-mata. Justeru situasi menjadi agak kompleks apabila membabitkan soal keselamatan di luar pagar sekolah. Apakah ia tanggungjawab pihak sekolah, polis, pihak berkuasa tempatan atau ibu bapa perlu pikul sendiri.

Bagi penulis semua pihak ini ada peranan masing-masing yang perlu digabungkan supaya kita

dapat menjaga keselamatan anak-anak kita secara menyeluruh dengan efektif.

Misalnya dalam soal kemalangan maut di luar pagar sekolah, pihak Kementerian Pengangkutan sudah mula bertindak dengan kuat kuasa zon larangan dan kita harap pihak berkuasa tempatan juga perlu menilai tanggungjawab mereka. Jika belum ada bonggol di hadapan sekolah binalah segera serta pasanglah papan tanda amaran untuk perhatian pengguna jalan raya supaya mereka lebih berhati-hati ketika melalui kawasan hadapan sekolah.

Begitu juga halnya jika ada peruntukan dan lokasinya

sesuai elok bina jejantas supaya anak boleh melintas dengan selesa dan selamat.

Dalam pada itu, pihak sekolah dengan bantuan PIBG juga perlu mendapatkan perkhidmatan pengawal keselamatan jika belum ada untuk bertindak sebagai warden trafik membantu jaga trafik ketika waktu puncak. Malah tawaran Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menggunakan khidmat Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bagi mengawal lalu lintas di kawasan sekolah juga wajar dipertimbangkan sebaik mungkin. Di samping itu ibu bapa sudah semestinya individu yang paling penting dalam hal ini kerana perlu

lebih prihatin dengan soal keselamatan anak ketika menghantar atau mengambil mereka dari sekolah.

Ringkasnya semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dengan efektif dan proaktif.

Pihak polis pula diharapkan dapat membantu mengatasi masalah lebih berat seperti gengsterisme, penyalahgunaan dadah dan pelbagai jenayah lain membabitkan pelajar sekolah di samping kes penculikan di luar kawasan sekolah. Rondaan secara kerap serta menugaskan anggota polis untuk melakukan intipan secara berjadual wajar dilaksanakan secara berterusan supaya dapat

mencegah kejadian penculikan dan juga pelbagai salah laku jenayah dalam kalangan pelajar sekolah daripada terus berleluasa. Kita percaya kehadiran pihak polis secara kerap di kawasan berhampiran sekolah pasti akan membantu mengurangkan jenayah pelajar di samping meningkatkan tahap keselamatan mereka.

Hakikatnya keselamatan pelajar sekolah adalah tanggungjawab bersama dan perlu dipikul secara berhemah oleh semua pihak yang terlibat. Kita tidak mahu selepas sesuatu kejadian itu barulah masing-masing menuding jari menyalahkan pihak lain. Dalam hal ini baik dalam perimeter sekolah mahupun di luar pagar sekolah perkara pokoknya adalah tahap keselamatan anak-anak kita. Justeru marilah kita fokus kepada usaha untuk mengatasi masalah pokok tersebut secara bersama tanpa menyalahkan mana-mana pihak.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ewal Pelajar UPM**